

Kerjaya peguam pilihan Fadhil

"SAYA kini belajar dalam jurusan Tamhidi Syariah dan Undang-Undang di Usim. Saya sendiri pun tidak pasti adakah kursus ini popular atau tidak di sini. Apa yang saya tahu, saya mahu menjadi seorang peguam dan membantu keluarga membina kehidupan yang lebih sempurna," kata Muhammad Fadhil Abd Razak, 23.

Mahasiswa Usim ini berkata, bagi penuntut undang-undang yang menceburi bidang hiburan, ia sebenarnya terpulang pada minat masing-masing.

"Saya tidak nafikan, terdapat beberapa rakan saya yang mengikuti pengajian undang-undang dan memilih untuk menjadi selebriti. Ada beberapa kemungkinan yang menyebabkan mereka mahu menjadi artis. Mungkin mahu popular atau mendapat duit poket dalam masa yang cepat.

"Sama ada bidang hiburan terjamin atau tidak, semuanya terpulang bagaimana penglibatan mereka dalam bidang hiburan itu sendiri. Saya tak menafikan kadang-kadang ada kerjaya hiburan yang kurang menjamin masa depan tapi itu tidak bermakna kerjaya hiburan yang dipilih itu salah.

"Untuk selamat, perlu ada *backup plan* untuk kita sendiri bagi menjamin masa depan. Saya nyatakan ini hanya berdasarkan apa yang saya lihat di luar bila ramai artis kita sekarang yang mula berniaga untuk mencari *side income* selain daripada berlakon," katanya.

